

Pilih pemimpin jaga kepentingan masyarakat

Um-25/4/2007

KUALA SELANGOR 24 April - Para pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok dinasihatkan memilih pemimpin yang benar-benar dapat membangunkan serta menjaga kepentingan masyarakat di situ.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sikap demikian membolehkan pengundi membuat keputusan yang bijak dan tidak terpengaruh dengan taktik kotor Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang cuba mengelirukan pengundi.

Ini kerana, katanya, pembangkang sering mengaitkan pelbagai isu yang kononnya 'menggegarkan' tetapi sebenarnya tidak mempunyai sebarang kaitan serta manfaat kepada kemajuan di Ijok.

"Kita mahu supaya pembangunan di Ijok diteruskan dan menjadi sebuah kawasan yang maju bersama kawasan lain di Selangor ini.

"Saya berharap pengundi membuat pilihan dengan lebih matang, bijak dan tidak terpengaruh dengan helah PKR yang dilihat tidak berupaya membentuk perubahan di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Kampung Batu 8, Ijok di sini, malam tadi.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Mohd. Shafie Apdal dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Daud Tarihep.

Dalam pada itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, kerajaan pimpinan BN amat prihatin dalam melaksanakan pembangunan di Ijok.

Perkara itu, katanya, dapat dilihat melalui pemberian peruntukan RM36 juta oleh kerajaan negeri dalam melaksanakan program pembangunan di seluruh Ijok.

Kata beliau: "Peruntukan ini jelas menunjukkan kerajaan di bawah pimpinan BN serius dalam menyediakan kemudahan yang terbaik untuk rakyat di sini."